



**KWSP**  
**EPF**

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: 8/4/0400-0

Tarikh : 17 April 2018

Pengarah  
Yayasan Angkasa  
No 402, Blok C, Glomac Business Centre  
No 10, Jalan SS 6/1, Kelana Jaya  
47301 Petaling Jaya  
Selangor

Tuan,

**Per : KELULUSAN YAYASAN ANGKASA SEBAGAI INSTITUSI PEMBERI PINJAMAN YANG DIBENARKAN OLEH KWSP UNTUK TUJUAN PENGELUARAN PENDIDIKAN KWSP**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa KWSP telah memperakukan Yayasan Angkasa sebagai Institusi Pemberi Pinjaman (IPP) yang dibenarkan bagi tujuan pengeluaran pendidikan KWSP **tertakluk kepada pihak tuan menyertai e-Pengeluaran**. Perakuan ini adalah berdasarkan perkara berikut:

2.1 Yayasan Angkasa merupakan subsidiari kepada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) telah diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia di bawah Subseksyen 19(1) Akta Koperasi 1993 bagi menawarkan pinjaman dan biasiswa pendidikan.

3. Untuk makluman tuan, KWSP telah **mewajibkan permohonan pengeluaran pendidikan dibuat secara atas talian (e-Pengeluaran) mulai tahun 2018**. Permohonan melalui kaunter tidak lagi akan dibenarkan. Sehubungan dengan itu, institusi tuan perlu menyertai e-Pengeluaran ini agar ahli KWSP tidak menghadapi masalah untuk membuat permohonan pengeluaran pendidikan mereka.



4. Bersama ini juga disertakan risalah Pengeluaran Pendidikan dan Senarai Semak Dokumen Pengeluaran Pendidikan yang menerangkan lebih lanjut tentang syarat-syarat Pengeluaran Pendidikan untuk rujukan pihak tuan. Borang permohonan dan risalah ini juga boleh didapati di Laman Web KWSP (<http://www.kwsp.gov.my>) atau di semua Cawangan KWSP.

5. Maklumat lanjut mengenai e-Pengeluaran boleh dibuat dengan menghubungi pegawai berikut:

5.1 Puan Ida Izwah bt Mohd Sharif - [izwah@epf.gov.my](mailto:izwah@epf.gov.my)

5.2 Encik Mustafah Hasim - [hmustafah@epf.gov.my](mailto:hmustafah@epf.gov.my)

Sekian, terima kasih.

  
**ZALIKAR YUSOFF**

Ketua

Jabatan Pengurusan Operasi Pengeluaran  
**KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA**